

Utamakan keseimbangan ekologi untuk capai pembangunan mapan

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

UB 23/05/2012 B3

KESEIMBANGAN sistem ekologi dalam melaksanakan sesebuah projek pembangunan perlu diberi perhatian agar ia menepati konsep pembangunan mapan yang diwar-warkan oleh kerajaan.

Pensyarah Program Sosiologi dan Antropologi Sosial (Ansos), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Roslee Abbas berkata, pemantauan secara berterusan daripada kerajaan amat diperlukan terutamanya dalam aspek perkembangan pembangunan yang dijalankan.

Menurutnya, sebelum masalah pembangunan yang tidak mapan menjadi lebih darurat, pihak yang berkaitan perlu membuat persediaan.

Ini kerana katanya, apabila perkara terbabit menjadi lebih serius dan membawa



PELAJAR tahun akhir Program Ansos yang menjadi peserta program.

kepada pencemaran alam sekitar atau kepupusan hidupan, tidak banyak yang dapat dilakukan untuk menyelamatkan keadaan seperti sediakala.

“Di Sabah ini saya boleh katakan dalam 80 peratus projek pembangunan yang

dijalankan mengikut garis panduan alam sekitar, namun masih ada lagi segelintir projek yang tidak dijalankan secara mapan.

“Justeru, sebagai golongan penyelidik dan pensyarah bagi Kursus Pembangunan Perubahan Sosial, saya

merayu agar pihak kerajaan memandang serius terhadap isu penerokaan hutan yang dijalankan dengan sewenang-wenangnya tanpa pemantauan yang sepatutnya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Borneo* selepas perasmian Program Forum dan Debat Mahasiswa anjuran pelajar tahun tiga Program Ansos baru-baru ini.

Roslee berkata, kewujudan sesetengah sub-kontraktor atau kontraktor yang mengambil mudah aspek keseimbangan ekologi menjadikan mereka meneroka kawasan pembangunan tanpa mempertimbangkan kepentingan alam sekitar.

Sebagai contoh katanya, sebelum ini beliau pernah



PESERTA ketika memulakan sesi debat.

membawa pelajarinya membuat penyelidikan di kawasan Kundasang, Ranau yang dilihat banyak dilaksanakan projek pembangunan termasuklah pembinaan hotel bertaraf lima bintang berdekatan kawasan Taman Negara Kinabalu.

“Melalui penyelidikan yang kami jalankan, banyak lereng-lereng bukit ditarah dan diteroka serta ‘chalet-chalet’ tumbuh bagai cendawan di kawasan Kundasang.

“Hasil tinjauan mendapati memang tidak ada keseimbangan ekologi di situ dan kami juga berkesempatan mememuramah para peniaga sekitar kawasan berkenaan.

“Dari aspek pendapatan sememangnya mereka menerima peningkatan namun dalam masa yang sama mereka juga melolak pembangunan yang tidak mapan kerana mereka faham apa yang dimaksudkan dengan konsep itu,” katanya.

Sehubungan itu katanya, melalui kajian yang dibuat, pihaknya dapat menyedarkan penduduk di kawasan terbabit supaya memahami maksud pembangunan mapan sekaligus dapat mengetengahkan isu yang timbul kepada pihak tertentu.

“Kami hanya boleh buat penyelidikan dan hasil kajian boleh dibuat saranan kepada pihak kerajaan agar isu pembangunan tidak mapan



ROSLEE (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Inon selepas majlis perasmian program itu.

dapat diketengahkan,” katanya.

Roslee berkata, dengan adanya program forum dan debat yang melibatkan para pelajar, ia dapat memberi pendedahan kepada mereka untuk mengupas secara mendalam lagi terhadap isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan mapan.

Selain itu katanya, ia membantu meningkatkan kemahiran serta memantapkan pengetahuan pelajar khususnya yang berada di semester akhir sebelum menamatkan pengajian.

Tambahnya, ia juga sebagai

salah satu inisiatif agar pelajar melibatkan diri dengan aktiviti berkaitan pengucapan awam.

“Melalui forum dan debat seperti ini, mereka dapat menimba ilmu dan tahu untuk menjawab persoalan dengan lebih terperinci.

“Isu yang diketengahkan juga lebih banyak menjurus kepada isu pembangunan mapan yang mana ia berkaitan dengan kursus mereka,” katanya.

Turut hadir merasmikan program berkenaan, Dekan Sekolah Sains Sosial UMS, Prof. Madya Inon Shaharuddin Abd Rahman.



AHLI panel forum yang mengupas beberapa isu berkaitan pembangunan mapan.